Teks Tafsir Surah Al Kahfi 3

(Rujukan kitab tafsir Ibnu Katsir, Safwatu At Tafaasir, dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM)

Ayat 9-15 dan Tadabbur

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

Adakah engkau menyangka (wahai Muhammad), bahawa kisah "Ashaabul Kahfi" dan "Ar-Raqiim" itu sahaja yang menakjubkan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami?

Maksud ayat : ' Jangan engkau menyangka Wahai Muhammad, bahawa kisah ashabul kahfi ini adalah tanda-tanda kebesaran Allah yang paling menakjubkan. Bahkan banyak lagi tanda-tanda kebesaran dan keagungan yang dapat dilihat di alam ini.'

إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan ugama kami".

Golongan pemuda itu, berlindung di dalam gua yang luas di atas sebuah gunung. Lalu menjadikannya sebagai tempat tinggal. Mereka berdoa memohon perbendaharaan rahmat kasih sayang Allah yang khusus, keampunan dan rezeki dariNya. Juga memohon perbaikan pada urusan mereka serta menjadikan di kalangan golongan yang mendapat petunjuk dan hidayahNya.

فَضَرَبْنَا عَلَىٰ آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾

Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun, yang banyak bilangannya.

Ianya bermakna Allah ta'ala menutup pendengaran mereka dengan hijab pada telinga mereka. Kerana mereka akan ditidurkan. Allah ta'ala menutup pendengaran mereka untuk beri mereka tidur dengan nyenyak. Ini adalah penting kerana telinga tidak ada penutup. Kalau mata, boleh ditutup oleh kelopak mata kalau mahu tidur.

ثُمَّ بَعَثْنَاهُمْ لِنَعْلَمَ أَيُّ الْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوا أَمَدًا ﴿١٢﴾

Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu)

Yang dimaksudkan dengan dua golongan itu ialah dua pihak di kalangan ashabul kahfi itu yang berbeza pandangan

berapa lamakah mereka berada dalam gua tersebut. Ada yang mengatakan sehari dan ada pula yang mengatakan setengah hari

نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Allah ta'ala menceritakan kisah ashabul kahfi dengan benar tanpa menambah dan mengurangkan. Mereka adalah golongan anak muda remaja yang benar-benar beriman kepada Allah ta'ala. Allah ta'ala memperteguhkan pegangan mereka terhadap agama Allah dan menambahkan ke dalam jiwa mereka keyakinan yang kukuh.

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَ مِن دُونِهِ إِلَٰهًا ۖ لَّقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain dari padanya; jika kami menyembah yang lainnya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran."

Allah ta'ala memperkuatkan tekad keazaman mereka. Juga

mengilhamkan kesabaran dan keteguhan hati, ketenteram yang berpasakkan keimanan. Ketika mana mereka dengan berani bangkit di hadapan raja mereka yang sombong dan kafir, mereka berkata, " Tuhan kami ialah Pencipta langit dan bumi. Kami tidak menyeru menyembah patong dan berhala. Kami tidak akan sekali-kali menyengutukanNya dengan sembahan yang lain. Dialah Yang Esa tiada sekutu bagiNya. Jika kami menyembah yang lain bererti kami yang menyeleweng dari jalan kebenaran, dan tenggelam dalam kezaliman dan kesesatan."

هَٰؤُلَاءِ قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِن دُونِهِ آلِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِم بِسُلْطَانٍ بَيِّنٍ ۖ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾

(Mereka berkata pula sesama sendiri): "Kaum kita itu, menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah; sepatutnya mereka mengemukakan keterangan yang nyata yang membuktikan ketuhanan makhluk-makhluk yang mereka sembah itu? (Tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian); Maka tidak ada yang lebih zalim dari orang-orang yang berdusta terhadap Allah.

هؤلاء أهل بلدنا عبدوا الأصنام تقليدا من غير حجة .إنهم لا يستطيعون أن يأتوا بحجة ظاهرة على عبادتهم للأصنام فهم إذا كذبة على الله .لا أحد أظلم ممن كذب على الله بنسبة الشريك إليه تعالى.

Mereka meninggalkan kaum mereka terpaksa ibubapa mereka yang nenyembah berhala secara membuta tuli menuruti amalan datuk nenek mereka. Mereka tidak mampu

pun untuk mengadakan bukti dan hujjah kebenaran amalan mereka. Tiada yang lebih zalim melainkan mereka yang menisbahkan adanya sekutu syirik kepada Allah ta'ala.

Ringkasan Kisah Ashabul Kahfi

Ini adalah permulaan kisah Ashabul Kahfi iaitu sekumpulan pemuda yang mencari perlindungan dari ancaman akidah dan keimanan. Al Kahfi ialah sebuah gua yang luas di atas sebuah gunung. Ar Raqim pula ialah batu bersurat yang tertulis padanya nama–nama ashabul kahfi menurut pandangan yang masyhur.

Imam Ibn Kathir menceritakan secara ringkas akan kisah Ashabul Kahfi ini di dalam kitab tafsirnya:

“Kisah ini menunjukkan bahawa ia berlaku pada zaman awal seperti mana yang disebut oleh sebahagian ahli tafsir bahawa ia berlaku selepas daripada al–Masih dan pada waktu itu mereka (kaum Ashabul Kahfi) adalah Nasrani. Apa yang nyata daripada teks (ayat al–Quran) bahawa kaum mereka adalah musyrikin (syirik kepada Allah SWT) dengan menyembah berhala. Telah berkata ramai daripada kalangan ahli tafsir, sejarah dan selain daripada mereka, kisah ini dikatakan berlaku pada zaman raja Diqyanus. Tambahan pula, mereka daripada kalangan anak–anak pembesar dan dikatakan juga bahawa mereka daripada kalangan anak–anak kepada raja–raja pada waktu itu. Mereka telah berpakat untuk berkumpul pada hari perayaan kaum mereka

lalu mereka melihat bahawa kaum mereka telah sujud kepada berhala serta membesar atau mengagungkan berhala–berhala tersebut. Ini kerana, mereka telah melihat dengan pandangan hati yang suci, di samping Allah SWT telah membuka hati–hati mereka daripada sesuatu yang membawa kepada kelalaian dan mengilhamkan petunjuk kepada mereka. Dengan itu, mereka mengetahui bahawa kaum mereka tidak berada dalam kebenaran maka mereka pun keluar daripada agama mereka (agama asal) dan berpindah kepada menyembah Allah SWT yang esa dan tidak ada sekutu bagi–Nya".

[al–Bidayah wa al–Nihayah, 2:114]

Ustaz Mohd Noor bin Omar
Pengkalan Batu